



Keentingan Khusyuk Dalam Solat

Menurut bahasa Arab, 'khusyuk' bererti 'tetap, diam tunduk, sunyi'. Terdapat pelbagai pendapat dalam memberikan definasi atau pengertian khusyuk. Khusyuk bolehlah di ertikan dengan menumpukan sepenuh perhatian dan tumpuan semasa solat seperti ia berhadapan dengan Allah. Hati dan fikirannya berada sepenuhnya di dalam solat tersebut dan tidak lalai daripada mengingati perkara-perkara lain di luar solat. Sebenarnya khusyuk dalam solat adalah sangat-sangat dituntut seperti firman Allah s.w.t yang bermaksud "Telah berjayalah orang-orang yang beriman, iaitu orang-orang yang khusyuk dalam sembahyangnya" (Surah Al-Mukminun : 1-2). Malahan ada juga yang berpendapat bahawa khusyuk itu wajib hukumnya.

Keentingan

Firman Allah s.w.t lagi, "Peliharalah segala solatmu dan peliharalah solat (Asar, Subuh) dan berdirilah untuk Allah (melalui solatmu) dengan khusyuk", (Surah Al-Baqarah : 238)
FirmanNya lagi, "Maka kecelakaanlah bagi orang-orang solat, (iaitu) orang-orang yang lalai dari solatnya." (Surah Al-Ma'un : 4-5).

Rasulullah s.a.w bersabda, "Berapa banyak orang yang mendirikan solat, tetapi yang di

perolehi hanya penat dan letih, kerana mereka itu lalai dalam solatnya." Rasulullah s.a.w bersabda lagi, "Tidak ada habuan bagi seseorang hamba dalam solatnya kecuali sekadar mana yang ia ingat."

Sabda Rasulullah s.a.w lagi, 'Apabila seseorang kamu solat, maka hendaklah dia solat seperti orang yang menganggap bahawa dia tidak akan lagi dapat mengerjakan solat itu buat selamanya (sebagai solat perpisahan atau solat teraakhir). (H.R Ad-Dailani)

Tips Untuk Khusyuk

Yang dikatakan khusyuk itu ialah hati sentiasa hidup dan untuk mengekalkan solat yang khusyuk. Amalan berikut perlulah diamalkan dan diperhatikan oleh setiap orang yang mengerjakan solat :-

1. Menjaga makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan lain-lain supaya datang dari punca yang halal tanpa syubhah.
2. Agar pemikiran tidak liar, sebelum solat lintaskan kematian seakan-akan amat hampir dengan kita serta solat tersebut adalah solat terakhir dan perlulah dijadikan yang terbaik.
3. Mendirikan solat pada awal waktu atau pertengahan waktu supaya tidak gopoh apakala masa hampir luput.
4. Membaca dengan baik, berusaha untuk memahami, mengerti bacaan dalam solat termasuk ayat Al-Quran yang dibacakan itu terutama sekali Al-Fatihah, gerakan dan maknanya. Ini kerana bacaan-bacaan dalam solat mengandungi banyak makna

Keutamaan Berkorban

Sabda Rasulullah s.a.w kepada Saidatina Fatimah: "Hai Fatimah, berdirilah di sisi korbanmu dan saksikanlah ia, sesungguhnya titisan darahnya yang pertama itu pengampunan bagimu atas dosamu yang telah lalu". (H.R Al-Bazzar dan Ibnu Hibban)

Tiada dibuat oleh anak Adam pada Hari Raya Adha akan sesuatu amal yang lebih disukai oleh Allah Ta'ala daripada menumpahkan darah (menyembelih korban). Bahawa korban itu datang pada hari kiamat dengan tunduk-tunduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Sesungguhnya darah korban itu mengambil tempat yang mulia di sisi Allah sebelum darah itu tumpah ke bumi, maka hendaklah kamu buat korban itu dengan hati yang bersih. (H.R Tirmidzi)



yang halus yang patut dimengertikan oleh orang yang melaksanakannya.

5. Rukun solat dilakukan secara tertib. Berusaha konsentrasi, menyedari bahawa Allah s.w.t memperhatikan solat itu.

6. Rasa Malu (Haya'), perasaan malu terhadap Allah s.w.t, rasa takut kepada kekuasaan Allah s.w.t.

7. Berharap serta yakin Allah s.w.t menerima solat dan amal kita.

8. Hati diajak hadir atau ikut, kehadiran hati dalam solat iaitu mengosongkan hati dari segala urusan yang boleh mengganggu dan yang tidak berkaitan dengan solat.

9. Membesarkan Allah s.w.t dalam solat, merasakan kehebatan Allah s.w.t dalam solat.

10. Menggunakan sejadah yang tidak terlalu banyak gambar yang akan menghayalkan pemikiran.

11. Solat secara berjemaah.

12. Sempurna Wuduk.

13. Mengurangkan pergerakan anggota-anggota seperti tangan, kaki dan juga mata. Tumpukan kepada tempat sujud dan ketika tasahut melihat anak jari.

14. Azan dan iqamat terlebih dahulu walaupun mendirikan solat bersendirian ataupun sekurang-kurangnya iqamat sahaja.

15. Ditegah solat dengan pakaian yang ada gambar, berwarna warni, bertulis, lukisan dan lain-lain kerana ia juga membuat orang lain hilang kekhusyukan ketika berjemaah.

Syarat Utama

Walau apapun syarat khusyu', yang terutama ialah kemantapan iman dalam diri terhadap Allah s.w.t. Oleh sebab itu, berusaha untuk mengenali Allah s.w.t dan memperteguhkan keimanan kepadaNya. Sebenarnya, khusyuk

di dalam solat bermula dari khusyuk di luar solat. Kalau di luar solat hati tidak khusyuk dengan Allah s.w.t, memang payah untuk khusyuk di dalam solat.

Imam Al-Ghazali menyatakan bahawa orang yang tidak khusyuk solatnya adalah dikira sia-sia belaka, kerana tujuan solat itu selain untuk mengingati Allah s.w.t, ia juga berfungsi sebagai alat pencegah dari perbuatan keji dan mungkar.

Apabila kita lalai ketika menunaikan solat bererti kita tidak akan berasa gerun ketika melakukan perkara keji dan mungkar.

Solat Merupakan Munajat

Menurut Imam Al-Ghazali lagi, solat merupakan 'munajat' (berdialog dan berbisik) seorang hamba terhadap Tuhannya.

Sayidina Ali boleh khusyuk dalam solatnya hingga waktu orang mencabut panah di betisnya, dia tidak terasa apa-apa. Sayidina Umar Al Khattab pernah berkata, "Khusyuk itu bukan tundukkan kepala, tapi khusyuk itu dalam hati."

Kesimpulan

Kesimpulannya, orang-orang yang takut kepada penciptanya dan menyedari ia hanyalah hamba akan patuh apa saja yang diperintahkan dan disampaikan oleh Rasul serta akan khusyuk mendapat nikmat solat seperti firman Allah yang bermaksud,

"Jadikanlah Sabar dan Solat sebagai penolongmu. Dan sesungguhnya yang demikian itu sungguh berat, kecuali bagi orang-orang yang khusyuk. Yakni orang-orang yang meyakini, bahawa mereka akan menemui Tuhannya dan bahawa mereka akan kembali kepadaNya" (Al-Baqarah : 45-46)

KEM MOTIVASI ANAK MUSLIM SEJATI PADA 20 & 21 DISEMBER 2008

Untuk Pelajar 9 - 15 Tahun. Terhad Untuk 100 Terawal

**Yuran RM 60 - Termasuk Bahan Kursus,
Sijil, 8 Kali Makan Minum**



**Anjuran Bersama
Surau Al-Hidayah Saujana Utama
Brilliance MQ Sdn Bhd**

**Dapatkan Borang Penyertaan Di Surau Al-Hidayah
Atau Layari <http://alhidayah.saujanautama.net>**